

Ekonomi dijangka terus menyederhana

PETALING JAYA – Ekonomi Malaysia dijangka terus menyederhana dengan Indeks Pelopor mencatatkan marginal negatif 0.5 peratus pada Ogos 2023, menurut laporan Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Indeks Pelopor (IP) ialah alat yang digunakan untuk meramalkan arah aliran ekonomi secara purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Kadar pertumbuhan IP terlicin Ogos 2023 kekal di bawah aliran 100 mata, menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus menyederhana disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global walaupun permintaan domestik kukuh.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, kadar pertumbuhan tahunan Indeks Pelopor terus menyederhana pada Ogos 2023 dengan mencatatkan marginal negatif 0.5 peratus kepada 109.7 mata, berbanding negatif satu peratus pada bulan sebelumnya.

“Empat komponen menyumbang secara positif kepada indeks tersebut terutamanya Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (245.7 peratus), diikuti oleh Indeks Perusahaan Bursa



IP menunjukkan prestasi ekonomi Malaysia akan terus menyederhana bagi beberapa bulan akan datang. – GAMBAR HIASAN

Malaysia (15.2 peratus), Bilangan Syarikat Baru Didaftar (13.1 peratus) dan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (3.6 peratus).

“Sebaliknya, Import Benar Semi Konduktor terus menunjukkan penurunan (-31.9 peratus).

“Melihat kepada prestasi bula-

nan, IP menunjukkan negatif 0.8 peratus pada Julai 2023, tetapi melonjak semula kepada 0.7 peratus pada bulan rujukan, akibat daripada peningkatan ketara dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.9 peratus),” kata Mohd. Uzir dalam satu kenyataan semalam.